

22 JUL 2003

Myanmar-Mahathir/I

PENDAPAT DR MAHATHIR BAYANGKAN ASEAN PERLU ADA TATACARA STANDARD

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Pendapat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Myanmar mungkin disingkir daripada Asean jika kerajaan negara itu terus membelakangkan tuntutan masyarakat antarabangsa supaya ia membebaskan Aung San Suu Kyi membayangkan tentang perlunya pertubuhan serantau itu mempunyai satu tatacara perilaku yang standard, kata Tan Sri Razali Ismail.

"Inilah sebenarnya apa yang terlintas di fikiran seluruh rakyat Malaysia. Kenyataan tersebut bersifat progresif kerana ia membayangkan betapa perlunya Asean mempunyai tatacara perilaku yang standard," kata Razali yang diberi mandat sebagai wakil khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Myanmar.

Negara anggota Asean perlu mempunyai satu tatacara perilaku standard minimum, katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian taja jamin bagi penyenaiaan Salcon Bhd di Bursa Saham Kuala Lumpur di sini hari ini. Beliau adalah pengerusi syarikat itu.

Ketika mengulangi apa yang telah disuarakan oleh Perdana Menteri, Razali berkata setiap kerajaan perlu mendapat sokongan seluruh rakyatnya.

"Rakyat ingin melihat semua pemimpin Asean berbuat sesuatu untuk Myanmar, Suu Kyi dan demokrasi di sana," katanya.

Razali merupakan satu-satunya tokoh berkecuali yang berpeluang menemui pejuang demokrasi Myanmar itu sejak beliau ditahan pada 30 Mei lepas setelah berlaku pertempuran antara pengikutnya dan penyokong junta negara itu.

Dalam temubual dengan sebuah agensi berita asing yang disiarkan minggu lepas, Dr Mahathir berkata Myanmar mungkin disingkir daripada pertubuhan serantau itu sekiranya ia terus membelakangkan tuntutan antarabangsa.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menjelaskan bahawa tindakan itu akan hanya diambil sebagai langkah terakhir.

Dr Mahathir telah memainkan peranan penting sehingga Myanmar diterima menganggotai Asean.

Ditanya sama ada Myanmar perlu diberi tempoh tertentu supaya membebaskan Suu Kyi, Razali berkata tempohnya tidak perlu ditetapkan.

"Ini bukan urusan perniagaan, jadi tak perlulah ditetapkan tempohnya. Saya sedar ia perlu disegerakan tetapi perkara ini begitu rumit dan memerlukan pelbagai usaha untuk menyelesaikannya," katanya.

Razali berkata para pemimpin Asean perlu mempunyai pendirian tegas dalam menyelesaikan isu Myanmar dan meletakkan semula proses demokrasi di landasan yang betul.

Asean dijangka menghantar satu perwakilan ke Myanmar berhubung isu tersebut manakala PBB pula sedang menunggu hasil yang diusahakan oleh pertubuhan serantau itu sebelum memutuskan tindakan selanjutnya.

Pembebasan Suu Kyi dan pemulihan demokrasi di Myanmar menjadi isu utama menjelang Mesyuarat Menteri Luar Asia-Eropah (ASEM) di Bali, Indonesia, yang berlangsung esok dan lusa.

-- BERNAMA

MSL JM SP MAI